



---

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OGOS 2022 DAN  
PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR  
GEMILANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR  
BANDAR**

Tarikh : 16 Ogos 2022 (Selasa)

Masa : 02.30 petang

Tempat : Dewan Seri Lestari  
Aras B1, KPLB

---

**PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan sekali lagi untuk bersama-sama berhimpun sempena Majlis Perhimpunan Bulan Ogos 2022 dan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

2. Walaupun kita masih dalam Fasa Peralihan ke Endemik yang telah bermula pada 1 April 2022 yang lalu, Syukur

Alhamdulillah semua warga KPLB dapat berkumpul bersama-sama dengan saya dan barisan pengurusan atasan Kementerian dan Agensi sebagai sebuah Keluarga Malaysia bagi meraikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada tahun ini.

## **PENGHARGAAN ATAS PENGANJURAN MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OGOS 2022**

3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada YBhg. Dato' KSU dan semua warga KPLB yang telah terlibat dalam menjayakan majlis ini. Saya berasa gembira kerana dapat berkumpul dengan semua warga KPLB di Bulan Kebangsaan ini dalam suasana penuh harmoni dan damai.

**Tuan-tuan dan Puan-puan,**

## **TUJUAN MAJLIS DAN TEMA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2022**

4. Tujuan utama majlis ini diadakan adalah sebagai medium untuk menyampaikan dan berkongsi maklumat tentang dasar dan perkembangan semasa Kementerian di samping berkongsi semangat kemerdekaan dan menghayati maksud Kemerdekaan.

5. Bulan Kebangsaan ini kita sambut saban tahun. Tahun ini, Malaysia sudah menjangkau 65 tahun tanpa genggaman dan kuasa penjajah, atau dalam erti kata lain, negara telah mencapai kemerdekaan. Banyak usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mengisi kemerdekaan di bumi bertuah ini.

6. Banyak sudah pembangunan dilaksanakan, dan banyak juga cerita-cerita kejayaan yang ditonjolkan. Malah, rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan hidup aman dan bersatu padu di bumi bertuah yang bernama Malaysia ini.

7. Namun begitu, sehingga ke hari ini masih wujud unsur-unsur negatif di kalangan masyarakat di negara ini yang boleh menggugat ketenteraman dan kesepakatan antara kita, terutamanya dalam era media sosial yang tiada sempadan dan terdedah kepada anasir jahat dan berita palsu.

8. Dalam hal ini, saya pasti sebagai warganegara yang bertanggungjawab, maka kita wajar menolak fahaman sempit yang boleh memecah belahkan masyarakat, dan tetap berpegang kepada prinsip bertolak-ansur dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

9. Persefahaman, kesepakatan dan nilai-nilai murni yang telah disemai dan dipupuk sejak negara kita merdeka, inilah yang

akan menjadi pegangan semua warga KPLB dalam melaksanakan agenda-agenda KPLB dengan lancar dan jayanya. Saya percaya bahawa, setiap apa yang kita lakukan adalah bertujuan untuk memakmur dan memajukan rakyat khususnya masyarakat luar bandar dan negara amnya.

10. Sebagaimana sedia maklum, Tema Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 ialah “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” dengan berkonsepkan keharmonian dan kekuatan sebuah keluarga mengharungi pelbagai cabaran dengan kesepaduan secara kolektif. Manakala, logo tahun ini dengan konsep jalur liputan Internet melambangkan pembangunan infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat, di samping komited untuk terus maju ke hadapan serta keberadaan teknologi terkini yang menjadi penghubung kehidupan ekonomi rakyat.

11. Seiring dengan usia negara yang mencapai kemerdekaan, saya yakin, kita sebagai rakyat Malaysia juga telah bertambah matang untuk menilai dan menetapkan pendirian apabila berhadapan dengan isu-isu atau ancaman yang mahu memecah-belahkan perpaduan kita.

12. Justeru, saya berharap agar perhimpunan kita kali ini akan dapat menyemarakkan lagi semangat sayang dan cintakan

negara. Marilah semua warga KPLB dan Agensi sebagai sebuah Keluarga Malaysia yang besar untuk sama-sama kita menghayati tema Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini dengan penuh semangat Kemerdekaan.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

**MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR  
JALUR GEMILANG 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN DAN  
PROGRAM – PROGRAM BERKAITAN**

13. Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 30 Julai 2022, yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melibatkan 15,000 peserta terdiri daripada semua lapisan masyarakat bagi dengan pengisian program Berjalan Teguh Bersama YAB Perdana Menteri, Ahli-ahli Jemaah Menteri serta Ahli-ahli Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) iaitu berjalan secara santai sejauh 2.7 kilometer bermula di Dataran Putra dan tamat di Istana Kehakiman. Kementerian telah turut mengambil bahagian dengan penyertaan seramai 300 orang warga bersama ahli keluarga yang datang sejak awal pagi sebagai Keluarga Malaysia bagi menyokong aktiviti yang dianjurkan

disamping menunjukkan semangat patriotisme dan kebersamaan. Tahniah dan Syabas warga KPLB dan Agensi.

14. Selain itu, pada masa yang sama *flag off* Konvoi Kembara Merdeka Keluarga Malaysia (KKM) 2022 juga turut disertai oleh 27 Kementerian termasuk KPLB dengan membawa kenderaan jenis pacuan empat roda (4x4) bermula di Istana Kehakiman dan berakhir di Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM).

15. Saya juga dimaklumkan bahawa terdapat Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Bulan Kebangsaan 2022 dengan penglibatan oleh semua Kementerian. Oleh itu, marilah sama-sama kita meraikan Sambutan Bulan Kebangsaan dan menceriakan suasana tempat kerja serta premis masing-masing dengan mengibarkan Jalur Gemilang bagi menyemarakkan lagi semangat cintakan Negara kita.

16. Perbarisan dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 2022 juga akan diadakan pada tahun ini setelah dua (2) tahun diraikan dalam suasana pandemik COVID-19 dengan penyertaan KPLB dalam perbarisan di bawah Segmen Perkhidmatan Awam serta Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2022 di Melaka.

## **SESI PENYERAHAN JALUR GEMILANG PERINGKAT KPLB**

17. Pada hari ini, Kementerian akan mengadakan sesi penyerahan Jalur Gemilang kepada Ketua Setiausaha dan Ketua Agensi. Diharapkan simboliknya sesi penyerahan Jalur Gemilang ini akan menyemarakkan lagi semangat kita semua untuk menyambut bulan bersejarah ini dan seterusnya meningkatkan penghayatan kita semua mengenang jasa pemimpin dan pejuang Kemerdekaan.

### **HARAPAN**

18. Marilah kita sama-sama berdoa, semoga Hari Kemerdekaan Ke-65 yang bertemakan “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” pada tahun ini membawa perpaduan dan kesejahteraan kepada rakyat ini secara umum dan warga KPLB terus mencipta lebih banyak kejayaan dan mengecapi masa depan yang lebih cemerlang dan gemilang pada masa akan datang.

19. Saya juga berdoa semoga kita semua diberi kekuatan bagi melaksanakan semua tugas dan tanggung jawab yang telah diamanahkan. Saya percaya banyak pencapaian program dan projek KPLB yang telah mencapai sasaran yang ditetapkan sehingga kini. Malah, bagi mana-mana program dan projek yang

masih belum mencapai garis masa yang ditetapkan, intervensi perlu dilakukan segera.

20. Dengan ini, saya merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 Peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

21. Sekali lagi saya ingin mengucapkan Selamat Hari Merdeka dan Hari Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar